

NUBE sokong pelantikan Najib

KUALA LUMPUR 22 Sept. - Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) menyokong keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyerahkan jawatan Menteri Kewangan kepada timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Setiausaha Agung NUBE, J. Solomon berkata, pelantikan tersebut mampu menjana lebih banyak keuntungan kepada ekonomi negara.

"Najib telah membuktikan kepimpinan beliau di pelbagai kementerian sebelum ini. NUBE yakin beliau akan dapat meneruskan kejayaannya dalam menguruskan portfolio kewangan negara," katanya di sini hari ini.